



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KAJIAN DATA PERBUKUAN NEGARA

PUTRAJAYA, 15 Oktober 2024 – Kajian Data Perbukuan Negara yang pertama telah selesai dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi mewujudkan satu profil perbukuan negara yang terkini. Industri perbukuan di Malaysia adalah antara sektor penting dalam perkembangan intelek, pendidikan, perniagaan dan budaya negara. Industri ini mengalami pertumbuhan yang signifikan dalam beberapa tahun berakhir.

Ketika ini terdapat 944 buah syarikat penerbitan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) manakala 57 buah persatuan berkaitan penerbitan didaftarkan dalam Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Sumbangan aktiviti penerbitan kepada KDNK 2021 adalah sebanyak RM4.9 billion. Bilangan judul buku yang diterbitkan mengikut bidang perkara bagi tahun 2013–2022 melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986 adalah seperti di jadual di bawah:

KATEGORI BUKU						
BILANGAN JUDUL BUKU YANG DITERBITKAN MENGIKUT BIDANG PERKARA BAGI TAHUN 2013–2022 MELALUI AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN, 1986						
Bidang Perkara	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Karya am	230	245	309	317	229	2,437
Falsafah/psikologi	208	224	210	176	275	2,380
Agama	1,693	1,546	1,413	1,212	2,357	16,657
Sosiologi, statistik	274	402	324	243	822	3,525
Sains politik	175	197	113	86	147	1,365
Ekonomi	549	529	552	544	681	5,004
Undang-undang, Pentadbiran awam, sains kebajikan	527	626	380	391	1,017	5,298
Ketenteraan	68	93	87	102	57	759
Pendidikan	1,420	1,616	1,130	1,061	1,871	13,342
Perdagangan, komunikasi, pengangkutan	79	131	71	33	108	812
Adat resam, sastera	185	138	81	139	133	1,953
Bahasa	3,932	3,459	2,714	2,165	4,095	36,025
Matematik	1,761	1,562	1,186	1,055	1,976	13,760
Sains semula jadi	889	1,033	556	424	710	7,777
Sains perubatan, sains kesihatan awam	490	487	447	437	786	4,815
Teknologi, kejuruteraan, industri	277	243	272	339	602	3,198
Pertanian, biak-baka, perhutanan, perburuan, perikanan	146	175	153	130	212	1,651
Sains rumahtangga	193	270	198	143	156	2,284
Pengurusan pentadbiran dan organisasi	520	588	472	407	818	5,158
Perancangan fizikal, perancangan negeri dan bandar, senibina	130	326	140	109	198	1,877
Seni plastik dan grafik, seni foto	1,070	906	856	572	997	8,231
Muzik, seni pertunjukan pementasan, filem panggung wayang	374	284	131	71	128	2,522
Sukan dan permainan	125	231	153	77	181	1,429
Kesusasteraan	2,491	2,264	2,331	2,963	4,652	29,875
Geografi	366	456	409	220	359	4,760
Sejarah, biografi	476	471	384	327	554	4,594
Jumlah	18,663	18,566	15,080	13,655	24,317	181,488

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata kajian ini dilihat dapat membantu kerajaan dalam mengemaskini Dasar Buku Negara, terutama melalui indikator yang menjadi penanda aras kepada pemain industri, kerajaan dan pengguna serta membantu merangka satu dasar dalam penyediaan bahan bacaan yang diminati oleh rakyat Malaysia. Melalui kajian ini, PNM telah **menghasilkan Pelan Tindakan bagi Pemerkasaan Industri Buku Negara**. Antara perkara yang telah disentuh dalam pelan ini adalah seperti berikut:

- i. Memperluaskan pelaksanaan kempen membaca di setiap kementerian dan agensi;
- ii. Menghidupkan kembali Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca dalam kalangan murid sekolah bagi merancakkan minat serta budaya membaca rakyat Malaysia;
- iii. Menambahbaik insentif kepada penulis buku dan meneruskan inisiatif Program Dana Penulis;
- iv. Mempergiatkan penganjuran Pesta Buku Kebangsaan dan Antarabangsa;
- v. Meningkatkan percetakan buku *Braille*;
- vi. Memperluaskan usaha penterjemahan buku-buku Bahasa Melayu ke bahasa lain;
- vii. Memperkenalkan program Duta Buku dan meneruskan inisiatif Ikon Membaca Kebangsaan;
- viii. Pelantikan wakil Buku Negara yang bertaraf Senator di Parlimen;
- ix. Memperluaskan aktiviti pendigitalan koleksi buku; dan
- x. Penguatkuasaan undang-undang kepada pelanggaran Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) .

Secara ringkasnya, industri perbukuan di Malaysia memiliki peranan penting dalam pengembangan sosial, ekonomi, intelek dan budaya. Isu dan cabaran yang dihadapi membuka ruang kepada penglibatan dan sinergi pihak kerajaan, pihak yang berkepentingan dan pemain industri untuk meneroka inisiatif dan peluang baharu bagi memastikan industri perbukuan di Malaysia dapat diperkasa dan memberi impak kepada semua pihak.

Kementerian Perpaduan Negara

15 Oktober 2024